

Kosmo 6/3/2021 m/s 9

Hanya 2,500 pengunjung dibenarkan masuk pada satu masa

Zoo Negara dibuka semula

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Zoo Negara menjangkakan menerima lebih ramai pengunjung pada hujung minggu ini selepas dibenarkan beroperasi semula semalam.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly@Rahmat Ahmat Lana berkata, pihaknya boleh menarik nafas lega selepas mendapat kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk beroperasi berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur.

"Bermula hari ini (semalam) memang kita telah menerima pengunjung, tetapi kita jangka bermula esok ada lebih ramai lagi pelawat yang akan datang berikutan cuti hujung minggu.

"Pihak kami menjangkakan lebih daripada 2,500 tiket akan terjual susulan pembukaan semula Zoo Negara," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Mengulas lanjut katanya, bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP), peraturan ketat tetap dilaksanakan dengan hanya 2,500 pengunjung dibenarkan masuk pada satu masa bermula



ORANG ramai mula berkunjung ke Zoo Negara selepas ditutup ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak Januari lalu.

9 pagi hingga 5 petang dengan penjarakan fizikal lima meter.

"Kami bersyukur dan berterima kasih kerana walaupun dalam tempoh PKPB (sebelum ini), kunjungan begitu menggalakkan. Kami sebenarnya bimbang kerana sekiranya Zoo Negara masih belum dibuka, pihak kami akan mengalami masalah.

"Sepanjang PKP, Zoo Negara menerima sumbangan daripada

badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), badan sukarelawan serta individu, sejak Januari 2020 hingga Januari 2021 dan ia amat membantu pihak zoo untuk mengurus-

WALABI merupakan antara haiwan yang terdapat di Zoo Negara, Hulu Kelang.

kan keperluan haiwan," jelasnya.

Rosly berkata, sehingga kini Zoo Negara telah menyambut sebanyak 55 spesies kelahiran baharu daripada haiwan-haiwan yang terdapat di zoo tersebut.

"Aktiviti memancing di Tasik Tunku Abdul Rahman yang dibuka kepada pemancing sejak 20 Februari lalu juga turut mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Pematuhan SOP yang ketat turut dikenakan dengan menghadkan 70 hingga 90 orang sehari," ujarnya.

Dalam pada itu Rosly memberitahu, pembelian tiket untuk masuk ke Zoo Negara juga boleh dibeli secara online.

Terdahulu, Zoo Negara turut menawarkan 20 peratus diskaun bagi harga tiket dewasa dan kanak-kanak sebagai usaha menarik pengunjung sempena pembukaannya semalam.

